



Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, ketika Invest Malaysia 2019, anjuran Bursa Malaysia dan Maybank, di Shangri-La Hotel, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata penswastaaan perkhidmatan awam tidak akan menyebabkan penjawat awam kehilangan pekerjaan mereka.

"Merujuk kepada penswastaaan dilakukan pada 1980-an, sebagai contoh Telekom Malaysia (TM), di bawah kerajaan pada masa itu, pekerjaanya diserapkan ke TM baharu yang dikorporatkan.

"Ketika itu, ia membantu untuk mengurangkan jumlah pekerja dalam perkhidmatan awam," katanya pada sesi perbualan dengan menteri di persidangan Invest Malaysia 2019 di sini, hari ini.

Mengenai tempoh masa penswastaaan perkhidmatan awam, Guan Eng berkata ia bergantung kepada cadangan dan perbincangan dengan pekerja terbabit.

"Saya ingin katakan bahawa penswastaaan ini adalah sesuatu yang sedang berjalan. Ia tidak akan dilaksanakan dengan segera atau serta-merta tanpa mengambil kira kebimbangan semua pemegang kepentingan," katanya.

Ditanya mengenai senarai agensi kerajaan yang akan diswastakan, beliau berkata ia akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.
